

Mahathir perlu jawab projek 'IC Palsu'

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad perlu menjawab mengenai tuduhan serius "Projek IC Palsu Mahathir" di Sabah yang menyebabkan pendatang asing melebihi penduduk asal di negeri itu.



LIM KIT SIANG

Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang berkata dakwaan itu perlu dijawab oleh Mahathir dan beliau boleh memberi

keterangan dalam Jawatankuasa Parlimen mengenai Integriti mengenai perkara itu.

Dalam laporan akhbar tempatan di Sabah, 16 Jun lepas, bekas Senator Dr Chong Eng Leong dalam laporannya kepada jawatankuasa itu di Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah, mendakwa terdapat pertambahan populasi yang luar biasa di Sabah yang disebabkan oleh pengeluaran kad pengenalan (IC) kepada pendatang asing di bawah "Projek IC" atau "Projek Mahathir".

Akibatnya, kata Chong, terdapat sekitar 1.75 juta pendatang asing di Sabah termasuk yang terlibat dalam projek itu, berbanding dengan 1.5 juta penduduk sebenar tempatan di Sabah.

Chong berkata, beliau bercakap mengenai ratusan ribu warga asing yang mendakwa diri mereka bukan sahaja warga Malaysia bahkan sebagai Bumiputera yang mempunyai hak istimewa di negeri itu.

Dalam perkembangan yang sama, Persatuan Pengguna Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan akan membuat aduan polis, menuntut supaya disiasat dakwaan pembabitian pihak atasan kerajaan dalam pengeluaran kad pengenalan palsu kepada rakyat asing di Sabah.

Pemangku Setiausaha Agungnya, Joshua Kong berkata, beliau dun Presiden persatuan tersebut, Patriek Sindu juga mahu pihak-pihak berkuasa yang berkaitan supaya menyalut segera dakwaan tersebut.

Kong berkata, masalah yang ditimbulkan oleh projek rahsia 'Projek M' atau 'Projek IC' - telah menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat Sabah.

Beliau menganggarkan, daripada 800,000 kad pengenalan yang dikeluarkan kepada rakyat asing sejak tahun 1970, kira-kira setengah juta adalah rakyat Filipina sebahagian besarnya dari wilayah selatan Filipina.